

**Najib Rasmi Pecah Tanah Projek Pembinaan Jalan Merbau Kudung/Felda Teloi Timur, Kedah**  
**Bernama**  
**29 Julai, 2012**

SIK, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, yang dalam lawatan sehari ke Kedah, menyempurnakan upacara pecah tanah projek pembinaan jalan kampung Merbau Kudung/Felda Teloi Timur di kampung Merbau Kudung dekat sini Ahad.

Projek pembinaan jalan berturap sejauh 9.9km itu dapat memendekkan jarak perjalanan antara Felda Teloi Timur dan Felda Teloi Kanan ke Batu 5 dekat sini melalui kampung Merbau Kudung.

Pembinaan jalan itu membabitkan laluan sepanjang 6.1km di dalam kawasan Felda, manakala 2.8km melalui tanah persendirian dengan kos keseluruhan lebih RM49 juta.

Projek berkenaan akan bermula September ini dan dijangka siap sepenuhnya hujung Januari 2014.

Terdahulu, Najib mendengar taklimat mengenai projek itu yang disampaikan oleh Pengarah Cawangan Jalan Jabatan Kerja Raya (JKR) Datuk Baharanuddin Che Zain.

"Jarak asal perjalanan sebelum ini memakan masa selama 45 minit melalui jarak asal sejauh 31 kilometer. Laluan baru dijangka mengambil masa hanya 10 minit," kata Baharanuddin.

Beliau berkata dengan adanya laluan baru itu, penduduk dapat mengeluarkan hasil pertanian mereka untuk dipasarkan dengan lebih mudah di pekan Batu 5, Jeniang dan Sik.

Terdahulu, Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor menghadiri acara gimik Kasih Felda di kediaman penduduk terpilih, Kamaliah Ahmad di kampung Teloi Tua dekat sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683938>



